

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 OGOS 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	150 produk teknologi, inovasi dihasilkan melalui NBOS sedia tembusi pasaran – Madius	BERNAMA
2.	MyCuaca mudahkan pengguna	Utusan Malaysia
3.	Time to brace for haze again	The Star
4.	Mismatch, main bottleneck for entrepreneurs to prosper	BERNAMA
5.	Dry weather bringing haze back	New Straits Times
6.	Visibility plummets as haze returns	Malay Mail
7.	MARDI ketuai kajian madu kelulut	KOSMO
8.	Wanita penyampai maklumat berkesan	Berita Harian
9.	Inovasi suatu kemestian dalam memacu transformasi perkhidmatan awam pada abad ke-21	Berita Harian
10.	Inovasi pemangkin transformasi	Harian Metro
11.	Innovation vital for transformation	New Straits Times
12.	Remaja terlanjur cuba bunuh anak ditahan	Harian metro

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 OGOS 2016 (RABU)



150 Produk Teknologi, Inovasi Dihasilkan Melalui NBOS Sedia Tembusi Pasaran - Madius

PUTRAJAYA, (Bernama) -- Sebanyak 150 produk berkaitan teknologi dan inovasi yang dihasilkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sedia untuk dikomersialkan bagi pasaran tempatan dan antarabangsa tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata produk-produk itu antara yang dihasilkan oleh 25 organisasi, agensi dan institusi pengajian di bawah sembilan kementerian yang menguruskan penyelidikan dan pembangunan (R&D), sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 2016).

"Setiap agensi terlibat diberi Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi menghasilkan sekurang-kurangnya lima produk untuk dikomersialkan sepanjang tahun.

Antara produk menarik yang dihasilkan termasuk 'Quantum Brake Pad', iaitu produk pad brek mesra alam yang dicipta SIRIM (Bhd) dan 'MyPhone' yang merupakan kad caj telefon yang diletakkan di sekolah jadi anak-anak tidak perlu bawa telefon. Ketika ini 800 sekolah telah menempah produk tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Program Pemadanan Perniagaan dan Model Perniagaan Bootcamp MCY2016 di bawah program 1Malaysia Entrepreneur (1MET) iaitu sebuah inisiatif oleh Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO), naungan Kementerian Kewangan (MOF), di sini Isnin.

Program itu diadakan sempena Hari Terbuka NBOS yang merupakan satu daripada enam acara utama yang dianjurkan sempena Minggu Antarabangsa NBOS 2016 yang sedang berlangsung sehingga 20 Ogos.

MCY 2016 merupakan inisiatif bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan MOF yang dilaksanakan melalui pendekatan NBOS, bertujuan memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan kesedaran mengenai pengkomersialan R&D dan impaknya kepada pembangunan negara.

Dengan pengkomersialan produk-produk R&D tempatan itu, produk-produk inovatif berkualiti tinggi dapat dihasilkan yang dapat menembusi pasaran luar negara dan mewujudkan jenama Malaysia.

Dalam pada itu, Pengarah Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan Dr Aminuddin Hassim berkata setiap agensi yang terlibat telah memberi sepenuh komitmen untuk menghasilkan produk-produk bagi dikomersialkan.

Katanya, hadiah lumayan berjumlah RM1 juta menanti agensi yang berjaya memenuhi KPI bagi penghasilan produk teknologi dan inovasi yang terbaik yang akan diumumkan dalam persidangan antarabangsa di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 2 November ini.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)

MyCuaca mudahkan pengguna

MAKLUMAT kini di hujung jari merupakan antara kata-kata popular dunia teknologi maklumat masa kini.

Masakan tidak, kini hampir setiap daripada kita memiliki gajet pintar untuk melayari alam maya terutama media sosial seperti Twitter, Facebook dan Instagram.

Medium alam maya merupakan antara saluran yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam menyampaikan maklumat berguna dan bukan sahaja untuk tujuan hiburan semata-mata.

Terkini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah membangunkan sebuah aplikasi khas buat pengguna gajet pintar bagi mendapatkan maklumat tentang ramalan cuaca pada setiap masa.

MyCuaca merupakan saluran penyampaian maklumat cuaca harian, amaran tentang cuaca, gempa bumi, dan tsunami serta injej terkini bagi satelit dan radar.

Penggunaan aplikasi mudah alih ini diharapkan dapat meningkatkan kemudahan, kecekapan, dan ketelusan sistem penyampaian maklumat dan perkhidmatan kepada rakyat.

Selain itu, maklumat dan amaran akan disalurkan dengan lebih cepat dan tepat kepada pengguna.

Aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma tersebut tersedia dalam format sistem operasi Android dan juga iOS.

Pengguna hanya perlu menaip MyCuaca dan memuat turun sebelum menggunakan aplikasi tersebut.

Dalam era kemajuan teknologi maklumat, pelbagai cara harus digunakan untuk menyampaikan maklumat terus kepada masyarakat.

Justeru itu, orang ramai diharap memanfaatkan aplikasi tersebut di samping sistem yang sedang digunakan seperti siaran di televisyen, radio, paparan di laman web, sistem pesanan ringkas (sms), Facebook dan Twitter.

MyCuaca dikatakan telah mencatatkan jumlah sambutan yang menggalakkan menerusi laman Facebook MetMalaysia dengan lebih 90,000 like daripada orang ramai menunjukkan jabatan tersebut

sentiasa menjadi rujukan dan perhatian masyarakat.

Adalah penting bagi orang ramai mempunyai pengetahuan mengenai iklim yang mendalam supaya kerajaan dapat merangka tindakan yang sesuai bagi menangani sebarang kemungkinan termasuk mengurangkan kesan daripada kesan cuaca melampau.

Antara contoh beberapa kejadian ekstrem yang berlaku serta mendatangkan impak yang besar adalah seperti taufan Haiyan di Filipina serta ribut Katrina di New Orleans, Amerika Syarikat yang mengorbankan ribuan nyawa.

Laporan Penilaian Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) ke-5 menunjukkan kejadian cuaca ekstrem dan kekuatan sesuatu kejadian akan terus meningkat.

Dalam hal tersebut, negara turut mengalami kejadian cuaca ekstrem bermula dengan fenomena suhu sejuk di Kelantan yang pernah berlaku sebelum ini.

Fenomena alam tersebut pastinya tidak dapat dielakkan namun, kerajaan menerusi agensi yang terlibat sentiasa mengambil langkah sewajar bagi menghadapainya.

Sebagai contoh, MetMalaysia juga giat melaksanakan projek 1Daerah 1AWS (*Automatic Weather Station*) yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini bagi memantapkan rangkaian pencerapan data cuaca negara.

Pelaksanaan tersebut membolehkan MetMalaysia memiliki rangkaian stesen pencerapan yang lebih baik dari segi taburan data meteorologi bagi menambah baik ketepatan ramalan cuaca di masa hadapan.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku akibat fenomena alam tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata.

Masyarakat turut perlu

mengambil langkah proaktif dalam mendepani fenomena cuaca yang ekstrem tersebut.

Antaranya sentiasa berjaga-jaga dengan amaran yang dikeluarkan oleh kerajaan terutama MetMalaysia menerusi maklumat-maklumat yang disalurkan.

Aplikasi MyCuaca merupakan antara saluran maklumat yang terpantas disediakan MetMalaysia yang membolehkan orang ramai mengetahui keadaan cuaca dengan lebih kerap dan terperinci.

Justeru, menerusi segala kemudahan yang disediakan adalah diharapkan masyarakat dapat terus menyokong dan menggunakan dengan sebaik-baiknya. Sementara itu, menurut Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI),

Datuk Madius Tangau,

MyCuaca merupakan kemudahan aplikasi mudah

ali yang dibangunkan oleh MetMalaysia, bagi kegunaan ramai mendapatkan maklumat sahih mengenai cuaca, gempa bumi dan tsunami terkini dengan cepat.

"Maklumat yang sah itu dapat mengelakkkan orang ramai daripada mempercayai khabar angin mengenai cuaca, gempa bumi dan tsunami," ujarnya.

Penyampaian maklumat terkini yang cepat membolehkan orang ramai mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan berlakunya bencana alam disebabkan oleh cuaca, gempa bumi dan tsunami.

Aplikasi MyCuaca mudah digunakan bagi orang ramai mengakses sumber maklumat cuaca, gempa bumi dan tsunami sepanjang masa.

Orang ramai boleh memuat turun aplikasi ini melalui Google Play Store dan Apps Store iTunes secara percuma.

Pihaknya juga akan menambah baik aplikasi tersebut dengan penampilan yang lebih menarik dan mudah dicapai.

"Tetapi pengguna masih boleh mengakses versi asal aplikasi ini," ujarnya.



MADIUS TANGAU

Time to brace for haze again

M'sians prepare for hit to their lifestyles and health as air quality dips in many places

By NURBAITI HAMDAN
and FATIMAH ZAINAL
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians have been waking up to haze for the past few days and are fearing more of the bad stuff after the air quality took a dip in many places.

With August proving a bad month for the phenomenon over the last three years, many Malaysians are bracing for a hit to their lifestyles and health.

Yesterday, the Air Pollutant Index (API) recorded 28 areas with moderate reading.

As at 6pm, two areas – Kampung Air Putih in Taiping and Kemaman – reached 71 and 70 on the index respectively.

The API reading for good air quality is below 50 while moderate is between 51 and 100.

The air quality is considered unhealthy if the reading is between 101 and 200.

Five more places reached a reading of 60 or more – Banting (65), Bukit Rambai (64), Nilai (61), Port Klang (60) and Shah Alam (60).

According to the Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC), there are four hotspots in



Malaysia since the dry season started last month, compared with 49 in Kalimantan and 32 in Sumatra.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau had said that

Malaysians should brace for drier weather and haze.

"We are now experiencing the southwest monsoon that started in May and it will last until mid-September.

"At this time, the atmospheric conditions throughout the country will be drier with less rain. As a result, haze associated with burning activities is expected to occur," Tangau said on July 31.

Not quite picture perfect:
A group of tourists taking photos on the Seri Wawasan bridge, with the Putra Mosque and the Prime Minister's office complex in the background blanketed in haze in Putrajaya.

On Monday, Indonesia's Meteorology, Climatology and Geophysics Agency in Pekanbaru, Riau, warned of recurring haze unless stakeholders took tougher measures to immediately extinguish land fires affecting several areas across the province, the *Jakarta Post* reported.

The agency's Pekanbaru head Sugarin said there was a possibility of haze problems similar to previous years returning and affecting Indonesia's neighbours.

Last year, Malaysia was hit with the worst haze so far, resulting in schools being closed.

The unprecedented severity of the haze also affected millions in Indonesia, Singapore, Thailand, the southern part of the Philippines and the northern part of Laos.

"Currently, the wind tends to blow to the southeast. If haze occurs, there is a significant chance it will be brought by the wind to our neighbouring countries," Sugarin said.

"In total, 92 hotspots were detected in Riau this morning, 84 of which were in coastal areas with a significant amount of peatland," he said.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 17 OGOS 2016 (RABU)



Mismatch, Main Bottleneck For Entrepreneurs To Prosper

By Zairina Zainudin

PUTRAJAYA, (Bernama) -- A huge mismatch between entrepreneurs with technologies that are ready for commercialisation and business matching platforms has been cited as the main bottleneck preventing the sector from flourishing, 1Malaysia Entrepreneur (1MET) Chief Organiser Nadira Yusoff said.

1MET, an initiative under the National Blue Ocean Strategy (NBOS) to enable potential entrepreneurs from all segments of society to successfully launch and grow their businesses, is taking various efforts to tackle the issue.

One recent move by the organisation was to partner Malaysia Commercialisation Year (MCY) 2016 in providing business matching platforms for entrepreneurs to reap potential business opportunities in the market.

MCY 2016 serves to support various organisations in commercialising their intellectual property into market-ready products.

"We want to develop a more innovative business model from the technologies that are already there. Some technologies are very literal and we want them to be positioned in the market differently.

"So, that is why we try to 'marry' them," she told Bernama on the sidelines of the four-day National Blue Ocean Strategy (NBOS) International Week 2016 held at Putrajaya International Convention Centre here.

The MYC 2016 programme, co-organised by the Ministry of Finance and **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** would help research and development products become commercially viable and compete for international markets.

It was reported recently that 10 most innovative products, with the most promising potential for commercialisation, will receive up to RM100,000 each.

She explained that programmes organised under 1MET would also build entrepreneurs with the right mind set to impact others, which then could help foster entrepreneurship that would drive Malaysia towards achieving developed nation status sooner-than-later.

"Entrepreneurs play a vital role in creating a high-income nation."

"What we want to create is entrepreneurs that provide opportunities to other entrepreneurs in terms of not just employment, but also other business opportunities," she added.

Meanwhile, Head of the MCY 2016 Secretariat Dr Mohd Nor Azman Hassan said research agencies involved in the business matching session sought partners and training on how to build a good business model.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)

Dry weather bringing haze back

KUALA LUMPUR: The dry weather, which is expected to last until the middle of next month, is likely to see the return of hazy weather in the coming days.

According to the Malaysian Meteorological Department, the country had been experiencing the Southwest Monsoon since the third week of May.

In response to queries by the *New Straits Times*, it said the country's atmospheric condition would be dry during this time.

As such, it said the monsoon would bring comparatively less rainfall.

"During the dry weather, haze, which is associated with burning activities and transboundary haze from Indonesia, is expected to occur."

It said based on the satellite image taken at 3.28pm yesterday, two



Tourists, undeterred by poor visibility, taking photographs of the city from Menara Kuala Lumpur yesterday. Pic by Saddam Yusoff

hotspots were detected in Peninsular Malaysia (Pahang) and two in Sarawak.

A total of 23 hotspots were detected in central Sumatra and 77 in northwestern Kalimantan.

The department said the current

dry weather along with the southwesterly winds blowing over the region, as well as the hotspots activities, had caused the atmosphere to be hazy, especially over the central part of Peninsular Malaysia, including the Klang Valley.

It said isolated rainfall in the afternoon was expected to occur throughout the country until the end of this week.

Likewise, the southwesterly wind is expected to persist until the end of the week.

**KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)**

Visibility plummets as haze returns

By Vanessa Ee-Lyn Gomes
vanessa@mail.com.my

PETALING JAYA — The haze appears to have returned as visibility plummeted to as low as 3km in Batu Embun, Pahang, at about 8am yesterday.

The Klang Valley also experienced progressively low visibility with Petaling Jaya having a visibility of 3.5km from 2pm, according to the Malaysian Meteorological Department's e-cuaca website.

Visibility started improving from about 4pm. Normal visibility is 10km and above.

As of 3pm yesterday, 19 areas recorded good API readings of below 50, while 30 areas recorded moderate API from 51 to 100.

At 6pm, Tanjung Malim recorded an unhealthy API reading of 113.

An API reading of over 100 is unhealthy, 201 and above very unhealthy, and a reading of more than 300 is hazardous.

According to the Asean Specialised Meteorological Centre, a total of 89 hotspots were recorded as of Monday.

From these, 49 were in Kalimantan, 32 in Sumatra, six in Peninsular Malaysia, mostly Pahang, and two in Sabah.

On Monday, *Malay Mail* reported the haze could hit the country this week..

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar had said Sarawak was most likely to be the first state to be blanketed with smoke and dust particles.



A view of Kuala Lumpur from KL Sentral at 11am yesterday. — Picture by Razak Ghazali

He also said the government was unconvinced a transboundary haze Act which would allow Malaysia to take action against companies responsible for setting fires outside its borders was the best way to go.

Wan Junaidi stressed that diplomacy was the best solution to get rid of the

haze and it was important to respect the sovereignty of Indonesia, which was the main contributor of the long-standing regional haze problem.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)**

Dijangka siap pada tahun depan bagi mengatasi masalah produk tiruan di pasaran

MARDI ketuai kajian madu kelulut

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

SERDANG — Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah diberi tanggungjawab untuk mengetua kajian bagi mendekati piaawaian dan khasiat madu kelulut di negara ini.

Timbalan Pengarah Program Perekar Makanan, Pusat Penyelidikan Sains Teknologi Makanan MARDI, Dr. Suri Roowi berkata, kajian itu dijangka siap sepenitnya tahun hadapan sekali gus mengatasi masalah kewujudan produk tiruan madu kelulut yang banyak dijual di

pasaran. Beliau berkata, antara agensi lain terlibat dalam kajian berkenaan ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Genome Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, SIRIM Bhd. (SIRIM), Jabatan Pertanian Malaysia dan Kementerian Kesihatan.

"Walaupun terdapat Akta Makanan 1988 dan Peraturan Makanan 1985, maklumat mengenai khasiat madu jenis kelulut sangat kurang kerana akta tersebut lebih menjurus kepada madu lebah biasa.

"Justeru, hasil kajian yang dijalankan oleh MARDI, UMT dan agensi terlibat akan digunakan untuk menetapkan piawaian madu kelulut negara sekali gus boleh mengatasi kepincangan yang terdapat dalam industri ketika ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Kosmo! semalam melapor kan penggemar madu lebah tiruan berisiko menghadapi penyakit membawa maut iaitu diabetes, serangan jantung dan kanser hati



KERATAN Kosmo! semalam,



SURI

yang berpunca daripada kandungan gula tebu serta sirap jagung yang tinggi dalam madu berkenaan.

Ujian makmal menunjukkan tikos putih yang diberikan madu tiruan menghadapi masalah obesiti dan kerosakan hati sebelum akhirnya mati dalam tempoh dua bulan.

Mengulas lanjut, Dr. Suri berkata, kajian untuk mementukan khasiat dan standard madu kelulut memakan masa apabila sampel perlu diambil dari seluruh negara bagi membolehkan data dan kajian lebih tepat dan lengkap.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (WANITA) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)



Pemikiran tradisional masyarakat Jepun bahawa wanita tidak sepatutnya terbabit dalam bidang sains dan teknologi menjadikan antara penyebab wanita kami jauh ketinggalan dalam bidang ini berbanding pembabitan sebenar negara dalam nuklear"

Junko Ogawa,

Timbalan Pengurus Besar dan Komunikator Eksekutif di Jabatan Perhubungan Awam, Syarikat Kuasa Atom Jepun ~



Graduan sains dan teknologi sendiri masih belum sedar mengenai wujudnya peluang profesion yang meluas dalam bidang ini terutama kepada wanita berikutan tanggapan negatif mereka mengenai ancaman keselamatan nuklear"

Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah,
Presiden Women in Nuclear Malaysia



Graduan sains teknologi perlu diberi kesedaran meluas mengenai peluang kerjaya dalam bidang itu.

(FOTO HIASAN)

Info

Women in Nuclear Malaysia (WiN)

- Ditubuhkan pada 28 Mac 2014.
- Pertubuhan menghimpuun profesion dalam bidang nuklear.
- Bertujuan menyampaikan maklumat kepada masyarakat mengenai sumbangan nuklear dan teknologi radiasi.
- Menggalakkan penyertaan wanita dan sumbangan mereka dalam nuklear.

Wanita menyampaikan maklumat berkesan

⦿ Kemampuan beri kefahaman mengenai tenaga nuklear kepada masyarakat diiktiraf

Oleh Norhafzan Jaafar
nhafzan@bh.com.my

■ Shah Alam

Pembabitan wanita sebagai penyampai maklumat mampu meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai kepentingan tenaga nuklear yang memberi impak besar kepada kemajuan sesebuah negara.

Sesuai sifat semula jadi yang memiliki keupayaan berkomunikasi dan berkebolehan dalam meluaskan jaringan perhubungan di semua peringkat usia, memberi kelebihan kepada wanita untuk menyampaikan maklumat lebih berkesan.

Timbalan Pengurus Besar dan Komunikator Eksekutif di Jabatan Perhubungan Awam, Syarikat Kuasa Atom Jepun (JAPC), Junko Ogawa, berkata walaupun pernyataan wanita sebagai saintis atau jurutera dalam bidang sains nuklear masih terbatas, mereka boleh berperanan secara langsung memastikan pemahaman tepat mengenai kepentingan tenaga nuklear.

"Peranan wanita secara semula jadi sebagai pendidik juga memepati kriteria yang diperlukan

sebagai penyampai maklumat bagi memastikan ia mampu diterima golongan sasar.

"Kebolehan wanita berkommunikasi dan mampu berhubung dengan pelbagai lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak boleh menjayakan misi memberi kefahaman tepat mengenai tenaga nuklear," katanya yang ditemui selepas Persidangan Tahunan Pertama Women in Nuclear (WiN) sempena Persidangan Antarabangsa Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Nuklear 2016 di sini.

Beliau yang juga ahli jawatan kuasa Suruhanjaya Tenaga Atom Jepun (JAEC) dan terbabit dalam keselamatan nuklear di negara itu turut menyampaikan kertas kerja bertajuk, *Bagaimana Membangun Kepercayaan Masyarakat Terhadap Tenaga Nuklear*.

Pemikiran tradisional

Junko berkata, di negaranya sendiri hanya kira-kira lima peratus golongan wanita terbabit dalam bidang sains nuklear sama ada sebagai saintis, jurutera ataupun komunikator yang disifatkan sebagai masih rendah berbanding pembabitan negara itu sendiri terhadap nuklear.

"Bagaimanapun, kami menye-

dari kepentingan wanita dalam memainkan peranan mereka untuk membangkitkan kesedaran dan kefahaman masyarakat awam mengenai nuklear dan aplikasi radiasi.

"Pemikiran tradisional masyarakat Jepun bahawa wanita tidak sepatutnya terbabit dalam bidang sains dan teknologi menjadi antara penyebab mengapa golongan wanita kami jauh ketinggalan dalam bidang ini berbanding pembabitan sebenar negara dalam nuklear.

"Cuma baru sekarang ada sebilangan syarikat yang sudah menyediakan perlunya pembabitan wanita dalam bidang berkaitan terutama dalam kerja membabitkan hubungan antarabangsa," katanya.

Junko turut memuji sikap terbuka masyarakat Malaysia yang memberi peluang kepada golongan wanita dalam pelbagai bidang termasuk sains, teknologi dan inovasi.

Sementara itu, Presiden Women in Nuclear Malaysia (WiN), Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, sebagai pertubuhan bukan kerajaan, WiN bertanggungjawab dalam menyahut cabaran untuk menyampaikan maklumat

dengan berkesan kepada masyarakat awam.

"Menerusi persidangan yang diadakan kami berharap untuk menonjolkan sumbangan wanita terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi dengan tidak menghadkan kepada bidang tertentu," katanya.

Profesional terbuka luas

Noor Hasnah berkata, walaupun semakin ramai wanita di negara ini yang berkecimpung dalam bidang sains dan teknologi, tetapi penerimaan masyarakat terhadap bidang nuklear masih menjadi stigma dalam masyarakat yang mempunyai tanggapan negatif terhadap cabang sains ini.

"Malah graduan sains dan teknologi sendiri masih belum sedar mengenai wujudnya peluang profesion yang meluas dalam bidang ini terutama kepada wanita berikutan tanggapan negatif mereka mengenai ancaman keselamatan nuklear.

"Stigma seperti ini yang mahu kita tipis dalam masyarakat dengan menambahkan lagi lebih banyak maklumat dan kefahaman yang tepat yang perlu disampaikan kepada mereka," katanya.

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN) : MUKA SURAT 5

TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)



Persidangan Dwitahunan CAPAM pada kali ini unik kerana penganjurannya serentak dengan Minggu Antarabangsa Strategi Lautan Biru Kebangsaan, dari 14 hingga 20 Ogos 2016”

Ali Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara



Penganjuran Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016 adalah peluang untuk jemputan membicarakan mengenai pengalaman mereka berkenaan inovasi dari sudut negara masing-masing”

Zainal Rahim Seman,
Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

Inovasi suatu kemestian dalam memacu transformasi perkhidmatan awam pada abad ke-21

• Persidangan Dwitahunan CAPAM

Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam, atau dalam bahasa Inggeris, Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM), ditubuhkan pada 1994 dengan matlamat menyediakan platform perkongsian maklumat dan pengetahuan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan awam dalam kalangan 53 negara Komanwel.

Melalui persidangan dwitahunannya, ahli CAPAM, termasuk Malaysia, boleh mengupas isu-isu berkaitan pentadbiran awam dan pengurusan, di samping mewujudkan jalinan kerjasama dan sinergi dalam kalangan pegawai-pegawai kanan dan organisasi pentadbiran awam negara-negara peserta.

Menerusi komitmen dan sumbangan negara kepada pembangunan CAPAM, Malaysia sekali lagi diberi kepercayaan menjadi tuan rumah Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama rakan-rakan strategiknya, menjayakan persidangan ini pada 1998 dan 2014.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, dalam temubual bersama Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pada 29 Julai 2016 berkata: “Persidangan Dwitahunan CAPAM pada kali ini adalah unik kerana penganjurannya serentak dengan Minggu Antarabangsa Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy International Week), dari 14 hingga 20 Ogos 2016”.

Tema persidangan

Tema utama Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016 yang akan



DENGNAH SAMAI MELAKSANAKAN TRANSFORMASI



berlangsung dari 18 hingga 20 Ogos 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) adalah “Inovasi: Suatu Kemestian dalam Perkhidmatan Awam”.

Tema yang dipilih untuk Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016 adalah serasi dan memenuhi cita rasa evolusi perubahan yang semakin pantas dan cepat. Inovasi penting untuk melengkapkan pentadbir awam menjadi pemimpin yang inklusif dan berinovasi, memupuk budaya kerja yang baharu, mengeratkan jaringan kerjasama dan berkomunikasi dengan kemahiran interpersonal yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan persaingan pada masa sekarang dan masa hadapan.

Malaysia sendiri menerajui beberapa program inovasi di bawah Dasar Transformasi Negara seperti Program Transformasi Negara atau Government Transformation Programme (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi atau Economic Transformation Programme (ETP).

Melalui penganjuran Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, Malaysia dapat berkongsi pengalaman dan langkah-langkah yang diambil dalam kedua-dua program di atas untuk meletakkan negara dalam kategori negara maju dan berpendapatan tinggi di samping meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Persidangan ini juga akan mengukuhkan komitmen dan sokongan Malaysia terhadap inisiatif dan program di negara-negara Komanwel, serta meningkatkan imej dan kredibiliti Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ia juga boleh membantu menambah baik hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara anggota Komanwel.

Persidangan ini akan dirasmikan Perdana Menteri pada 18 Ogos ini. Setiausaha Agung Komanwel, Patricia Scotland akan

RAKAN STRATEGIK



penting perlu diberi terhadap langkah-langkah mengkomersialkan produk inovasi supaya negara sentiasa berada di barisan hadapan dalam penggunaan dan penciptaan teknologi baharu untuk memperoleh keuntungan dan mengekalkan kelebihan daya saing jangka panjang.

Malaysia sendiri menerajui beberapa program inovasi di bawah Dasar Transformasi Negara seperti Program Transformasi Negara atau Government Transformation Programme (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi atau Economic Transformation Programme (ETP).

Melalui penganjuran Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, Malaysia dapat berkongsi pengalaman dan langkah-langkah yang diambil dalam kedua-dua program di atas untuk meletakkan negara dalam kategori negara maju dan berpendapatan tinggi di samping meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Persidangan ini juga akan mengukuhkan komitmen dan sokongan Malaysia terhadap inisiatif dan program di negara-negara Komanwel, serta meningkatkan imej dan kredibiliti Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ia juga boleh membantu menambah baik hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara anggota Komanwel.

Persidangan ini akan dirasmikan Perdana Menteri pada 18 Ogos ini. Setiausaha Agung Komanwel, Patricia Scotland akan

hadir pada persidangan kali ini dan menyampaikan ucaptama semasa majlis perasmian.

Lebih daripada 30 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan ini oleh pakar antarabangsa, ahli akademik dan tokoh pentadbiran awam yang cemerlang dari Malaysia dan negara-negara Komanwel yang lain.

Program, aktiviti persidangan

Beberapa acara utama akan diadakan sepanjang tempoh persidangan termasuklah Mesyuarat Lembaga CAPAM, Mesyuarat Menteri-menteri Perkhidmatan Awam Komanwel Ke-6, Majlis Resepsi Komanwel, Majlis Perasmian Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, Majlis Penutup dan Majlis Makan Malam Presiden CAPAM dan Majlis Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM (IIA CAPAM 2016).

Mesyuarat Menteri-menteri Perkhidmatan Awam Komanwel ke-6: “Tadbir Urus Untuk Pembangunan Lestari: Menyokong Pelaksanaan Agenda 2030” akan diadakan pada 17 Ogos, disertai menteri yang terbabit dengan penyurusan awam dan pegawai kanan dari negara-negara anggota Komanwel untuk berkongsi pengetahuan mengenai tadbir urus yang baik dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Majlis Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM 2016 (IIA CAPAM 2016) juga akan diadakan untuk mengiktiraf organisasi yang telah memberi sumbangan besar dalam menambah baik tadbir urus

dan perkhidmatan sektor awam.

Malaysia boleh berbangga kerana empat (4) daripada inisiatif tempatan kita berjaya ke peringkat akhir dalam kategori-kategori seperti berikut:

- Inovasi DNA - Inisiatif “Create and Innovate, Make a Difference: Story of Our Journey” oleh Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri Sarawak, di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak.
- Inkubasi Inovasi - Program Pemuliharan Pemasarakatan Jabatan Penjara Malaysia (PPP)
- Inovasi dalam Pengurusan Perkhidmatan Awam - Pelan Tindakan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2010-2020 (Pelan Tindakan SCS10-20)
- Inovasi Berfokuskan Rakyat - Program Outreach Jabatan Pendaftran Negara

Projek finalis IIA CAPAM 2016 akan dipamerkan semasa Pameran CAPAM 2016, bersekolai dengan CAPAM Gallery Walk, yang akan memaparkan koleksi gambar terpilih dari Pertandingan Fotografi Komanwel 2016.

Portal CAPAM SmartGov Online akan juga dilancarkan ketika persidangan dwitahunan ini. Portal ini bertujuan menjadi sumber rujukan kepada penjawat awam di seluruh dunia untuk membuat penyelidikan berkaitan amalan pentadbiran terbaik, tadbir urus baik dan inovasi dari negara lain.

Untuk keterangan lanjut mengenai Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, sila layari laman web CAPAM di www.capam.org.

KERATAN AKHBAR HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 9 TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)

Inovasi pemungkin transformasi

■ CAPAM pilih tema evolusi perubahan pentadbiran awam bagi sidang 18 hingga 20 Ogos ini

Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam (CAPAM) ditubuhkan pada 1994 dengan matlamat menyediakan platform perkongsi maklumat dan pengetahuan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan awam dalam kalanng 53 negara Komanwel.

Melalui persidangan dwitahunnya, ahli CAPAM termasuk Malaysia boleh mengupas isu berkaitan pentadbiran awam dan pengurusan di samping mewujudkan jalinan kerjasama dan simergi dalam kalanng pegawai kanan dan organisasi pentadbiran awam negara peserta.

Menerusi komitmen dan sumbangan negara kepada pembangunan CAPAM, Malaysia sekali lagi diberi kepercayaan menjadi tuan rumah Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama rakan strategiknya pernah menjayakan persidangan ini pada 1998 dan 2014.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, persidangan dwitahunan CAPAM kali ini untuk kewajipan penganjurannya serentak dengan Minggu Antarabangsa Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy International Week) dari 14 hingga 20 Ogos 2016.



Persidangan ini satu peluang jempatan membicarakan pengalaman mereka berkenaan inovasi dari sudut negara masing-masing
Zainal Rahim

Berlangsung dari 18 hingga 20 Ogos 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), persidangan kali ini memilih tema Inovasi: Suatu Kemestian Dalam Perkhidmatan Awam.

Tema yang dipilih untuk Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016 serasi dan menuhi cita rasa evolusi perubahan yang semakin pantas dan cepat.

Inovasi penting untuk melengkapi pentadbiran awam menjadi pemimpin yang inklusif dan berintegrasikan, memupuk budaya kerja baru, mengerakkan jar-jaring kerjasama dan berkomunikasi dengan kemahiran interpersonal yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan persaingan pada masa sekarang dan hadapan.

Inovasi juga aspek penting memperbaiki keberkesanan dan kemapanan aktiviti penyampaian perkhidmatan awam terutama dari segi pembangunan dan pelaksanaan dasar.

Sementara itu, Ketua Pengarah MAMPU Datuk Sri Zainal Rahim Seman berkata, pengurusan persidangan itu peluang para jemputan membincangkan pengalaman mereka berkenaan dengan inovasi dari sudut negara masing-masing.

Kepentingan inovasi pernah diletegalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam ucapan tamanya bertajuk Daya Saing Global: Aspirasi Malaysia semasa Siri Syarahan GSAC-Khanazan Cemerlang Keenam dianjurkan Khanazan Nasional Bhd di London pada 18 Mei 2016.

Beliau menegaskan tumpuan sama perlu diberi terhadap langkah mengko-

mersalkan produk inovasi supaya negara sentiasa berada di barisan hadapan dalam penggunaan dan penciptaan teknologi baru.

Malaysia sendiri meneraju beberapa program inovasi dalam bawah Dasar Transformasi Negara seperti Program Transformasi Negara atau *Government Transformation Programme (GTP)* dan Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Programme (ETP)*.

Melalui pengurusan Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, Malaysia dapat berkongsi pengalaman dan langkah diambil dalam dua program iaitu GTP dan ETP untuk meletakkan negara dalam kategori negara maju serta-berpendapatan tinggi.

Persidangan ini juga mengukuhkan komitmen dan sokongan Malaysia terhadap inisiatif dan program di negara Komanwel, serta meningkatkan imej dan kredibiliti Malaysia di peringkat antarabangsa.

Ia juga boleh membantu menambah baik hubungan dua hala antara Malaysia dan negara anggota Komanwel.


Persidangan ini akan di rasmiakan Perdana Menteri pada 18 Ogos 2016.

Setiausaha Agung Komanwel, TYT Puan Patricia Scotland turut hadir pada persidangan kali ini dan akan menyampaikan ucapan tamu ketika majlis perasmian.

Lebih daripada 30 kertas kerja dibentangkan pada persidangan ini oleh pakar antarabangsa, ahli akademik dan tokoh pentadbiran awam cemerlang dari Malaysia dan negara Komanwel lain.

Beberapa acara utama adalah sepanjang persidangan termasuk Mesyuarat Lembaga CAPAM, Mesyuarat Menteri Perkhidmatan Awam Komanwel Ke-6, Majlis Resepsi Komanwel, Majlis Perasmian Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, Majlis Penutup dan Majlis Makan Malam Presiden CAPAM dan Majlis Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM (IIA CAPAM 2016).

IIA CAPAM 2016 diadakan untuk mengiktiraf organisasi yang memberi sumbangan besar dalam menambahbaik tadbir urus dan perkhidmatan sektor awam.



PENGUNJUNG melihat Pameran Quilt of Belonging pada Mesyuarat Agung CAPAM di PICC tidak lama lalu.

MAMPU

PERKONGSIAN MELAKU KERJA SAMA

RAKAN STRATEGIK

CAPAM



manwel ke-6: Tadbir Urus Untuk Pembangunan Lestar: Menyokong Pelaksanaan Agenda 2030 akan diadakan pada 17 Ogos 2016 disertai menteri yang terlibat dengan pengurusan awam dan pegawai kanan dari negara anggota Komanwel untuk berkongsi pengetahuan mengenai tadbir urus yang baik dalam penyampaian perkhidmatan awam.

2) Majlis Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM 2016 (IIA CAPAM 2016) diadakan untuk mengiktiraf organisasi yang memberi sumbangan besar dalam menambahbaik tadbir urus dan perkhidmatan sektor awam.

Malaysia boleh berbangga kerana empat daripada inisiatif tempatan berjaya ke peringkat akhir dalam kategori seperti berikut:

- Inovasi DNA-Initiative 'Create and Innovate, Make a Difference: Story of Our Journey' oleh Unit

Pemodenan Perkhidmatan Negeri Sarawak, di bawah jabatan Ketua Menteri Sarawak.

● Inisiatif Inovasi-Program Pemuliharaan Pemasarakatan (PPP), Jabatan Penjara Malays-

ia

● Inovasi dalam Pengurusan Perkhidmatan Awam-Pelan Tindakan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2010-2020 (Pelan Tindakan SCS10-20).

● Inovasi Berfokuskan Rak-yat-Program Outreach Jabatan Pendaftaran Negara.

Projek finalist IIA CAPAM 2016 akan dipamerkan se-

masa Pameran CAPAM

6 Persidangan kali ini unik kerana penganjurannya serentak dengan Minggu Antarabangsa Strategi Lautan Biru Kebangsaan Ali

- Inovasi DNA-Initiative 'Create and Innovate, Make a Difference: Story of Our Journey' oleh Unit

2016, bersekali dengan CAPAM Gallery Walk yang akan memaparkan koleksi gambar terpilih dari Pertandingan Fotografi Komanwel 2016.

Portal CAPAM SmartGov Online juga dilancarkan semasa persidangan dwitahunan ini. Portal ini bertujuan menjadi sumber rujukan kepada penjawat awam di seluruh dunia untuk membuat penyelidikan berkaitan amalan pentadbiran terbaik, tadbir urus baik dan inovasi dari negara lain.

Untuk keterangan lanjut mengenai Persidangan Dwitahunan CAPAM 2016, sila layari laman web CAPAM di www.capam.org.



KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (CAPAM) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)

INNOVATION VITAL FOR TRANSFORMATION

WORLD PLATFORM: Organisers choose theme of evolutionary change in the civil service for Aug 18-20 conference

PUTRAJAYA

THE Commonwealth Association for Public Administration and Management (Capam) was founded in 1994, mainly aimed at providing a common platform to exchange information and knowledge on public administration among the 53 Commonwealth countries.

Through its biennial conference, Capam explores pertinent issues relating to public administration and management among member countries.

It allows senior officials and administrative organisations of participating nations to network and build synergy.

As a result of Malaysia's contributions to the progress of Capam since its inception, the country has once again been given the honour to host this year's edition of the Capam Biennial Conference.

The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (Mampu), the Prime Minister's Office (JPM) and strategic partners had successfully co-organised previous conferences in 1998 and 2014.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa, during an interview with Radio Televisyen Malaysia (RTM) on July 29, said: "The Capam

Biennial Conference this time is unique as it will be held in conjunction with the National Blue Ocean Strategy International Week from Aug 14 to 20."

Theme

The general theme of the Capam 2016 Biennial Conference is "Innovation: A Public Service Imperative".

The event will be held from Aug 18 to 20 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) here.

The conference theme is compatible with and fulfills the need for rapid and speedy changes.

Innovation is essential to equip public administrators with the ability to be inclusive and innovative leaders, fostering a new work culture and strengthening cooperation and communication networks through high interpersonal skills in face of present and future challenges and competitions.

Innovation is an important aspect in improving the effectiveness and sustainability of public service delivery, especially in terms of policy development and implementation.

During an interview with Astro Awani on the Aug 3, Mampu director-general Datuk Seri Zainal Rahim Seman said: "By organising the Capam 2016 Biennial Conference, attendees are given

the opportunity to share their experiences with regard to innovation from the perspective of their own countries".

Advancing transformation via innovation

The importance of innovation was highlighted by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak in his speech themed "Global Competitiveness: Malaysia's Aspirations" during the Sixth GSAC-Khazanah Distinguished Lecture Series, hosted by Khazanah Nasional Bhd in London on May 18.

Najib said: "We need to focus not just on innovation, but (also) on commercialising innovation. And, we need a focus on being at the forefront of using and inventing new technologies so that we gain and maintain a long-term competitive edge."

Malaysia has spearheaded several innovation programmes under the National Transformation Policy, such as the Government Transformation Programme (GTP) and Economic Transformation Programme (ETP).

By organising the Capam 2016 Biennial Conference, Malaysia can share its experiences and the measures taken in both transformation programmes to place the country among developed and high-income nations, as well as to improve service delivery.

The conference will also strengthen Malaysia's commitment and support for initiatives and programmes in Commonwealth countries, as well as leveraging the country's image and credibility at the international level.


STRATEGIC PARTNERS



 By organising
the Capam
2016 Biennial

**Conference, attendees are
given the opportunity to
share their experiences
with regard to innovation
from the perspective of
their own countries.**

**Datuk Seri Zainal
Rahim Seman**
Mampu director-general



Awards (IIA) 2016 will also be held to recognise organisations that have made significant contributions to improve governance and services in the public sector.

Malaysia is proud to have four initiatives that made it to the finals in the following categories:

INNOVATION DNA — "Create and Innovate, Make a Difference: Story of Our Journey" initiative by the Sarawak State Service Modernisation Unit under the Chief Minister's Department;

INNOVATION Incubation — Malaysia Prison Department's Community Rehabilitation Programme (CRP);

INNOVATION in Public Service Management — Sarawak State Civil Services 2010-2020 Action Plan (SCS10-20 Action Plan); and,

CITIZEN Focused Innovation — the National Registration Department's outreach programme.


The Capam 2016 IIA finalists will be showcased in an exhibition that will be held concurrently with Capam Gallery walk, which will feature photographs from the 2016 Commonwealth Photography Competition.

The Capam SmartGov Online Portal will also be launched during the biennial conference. The portal aims to be a source of reference for civil servants throughout the world regarding the best administrative practices, good governance and innovations of other countries.

For more information on the Capam 2016 Biennial Conference, please visit www.capam.org.


The Capam Biennial Conference this time is unique as it will be held in conjunction with the National Blue Ocean Strategy International Week from Aug 14 to 20.

*Tan Sri Dr Ali Hamsa
chief secretary to the government*



KERATAN AKHBAR METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 2 TARIKH : 17 OGOS 2016 (RABU)

Remaja terlanjur cuba bunuh anak ditahan

Segamat: Seorang remaja perempuan ditahan polis selepas disyaki cuba membunuh anak lelakinya yang berusia 14 hari. Ahad lalu, dengan memasukkan cecair antisepik ke dalam botol susu bayi itu.

Perbuatan remaja berusia 17 tahun itu disedari sepupu lelakinya berusia 30-an

yang curiga selepas mendapati kandungan cecair antisepik yang baru dibelinya dan disimpan di rumah di taman perumahan di bandar ini berkurangan walaupun tidak pernah digunakan.

Ketua Polis Daerah Segamat Superintendant Mohd Kamil Sukarmi berkata, dalam kejadian jam 8.15 ma-

lam, lelaki itu mengesyaki sepupunya cuba melakukan sesuatu ke atas bayi yang dilahirkan itu menggunakan cecair antisepik berkenaan.

Sebelum itu, remaja perempuan berkenaan bertengkar dengan teman lelakinya dipercaya akibat situasi mereka yang terlanjur sehingga melahirkan anak

luar nikah.

"Ketiga-tiga mereka tinggal sebumbung dan pada hari kejadian, sepupu remaja perempuan itu terdengar dia memberitahu mahu membunuh diri dan mencedera rakan bayi ketika bertengkar dengan teman lelakinya."

"Pertengkaran berpunca daripada status kelahiran

bayi itu kerana teman lelaki remaja berkenaan mahu mendaftarkan kelahiran selepas mereka berkahwin sebaik habis tempoh pantang," katanya, di sini, semalam.

Mohd Kamil berkata, bimbang dan mengesyaki remaja itu mengcampurkan cecair antisepik berkapasiti 100 milliliter itu ke dalam botol susu anaknya, sepupunya menghantar bayi itu ke Hospital Daerah Segamat (HDS)

untuk pemeriksaan serta membuat laporan polis.

Katanya, suspek direman tujuh hari sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksian kerana cubaan membunuh bayi.

"Ujian sarngan darah dan DNA dijalankan terhadap bayi itu selain botol cecair antisepik serta botol susu dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk analisis," katanya.